

50 sen punca 'Peristiwa Baling 1974'

UTUSAN MALAYSIA 22/02/2019

MIS 13

■ BAHAGIAN AKHIR

Oleh SAHIDAN JAAFAR

ISU penduduk miskin di Baling, Kedah yang mati kebuluran kononnya akibat tidak berduit untuk membeli makanan menjadi tajuk utama semua akhbar arus perdana ketika itu berikutan tunjuk perasaan oleh pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Kuala Lumpur yang diketuai oleh Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Anwar Ibrahim.

Utusan Malaysia melaporkan, kisah itu semakin panas dan menjadi tajuk bualan orang ramai apabila ribuan penoreh getah di Baling sendiri mengadakan tunjuk perasaan setelah mendapat sokongan daripada pelajar-pelajar universiti terlibat.

Menteri Pelajaran ketika itu, Dr. Mahathir Mohamad telah mencabar pemimpin pelajar terlibat supaya memberikan



LEBIH 10,000 penduduk mengadakan perarakan di sekitar pekan Baling, Kedah bermula 19 November hingga 21 November 1974 menyuarakan keluh dan kesengsaraan hidup disebabkan kejatuhan harga getah dan kenaikan harga barang akibat inflasi.

dapan Pejabat Daerah Baling.

Mereka mengadakan tunjuk perasaan sehingga merempuh pintu pagar Pejabat Daerah Baling dan menurunkan bendera negeri Kedah dan menaikkan seberkas ubi kayu yang diikat pada tali bendera sebagai simbol kemiskinan penduduk.

Ketibaan Musa dengan helikopter telah disambut dengan jeritan: "Musang hitam! Musang hitam!"

Beberapa orang petani yang menyertai tunjuk perasaan itu membawa cangkul dan parang telah ditahan oleh polis dikhuatiri membahayakan keselamatan orang awam.

Sebaik sahaja helikopter mendarat di kawasan penunjuk perasaan itu, Musa telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, Pegawai Daerah, pegawai-pegawai kerajaan, pengulu dan pegawai polis.

Biarpun situasi agak gempita dengan pekikan dan laungan penunjuk per-

keputusan pemimpin peja-
terlihat supaya memberikan
nama orang yang didakwa
mati kelaparan jika benar-be-
nar berlaku dan Perdana Men-
teri Tun Abdul Razak menyifatkan cerita itu hanyalah
sebagai dusta semata-mata.

“Apabila seorang pensyarah
Universiti Malaya, Profesor
Zainal Abidin Wahid turut per-
caya kepada cerita ini, maka
Ketua Pengarang Kumpulan
Utusan Melayu, Mazlan Nordin
telah mengarahkan saya un-
tuk ke Baling bagi menjalan-
kan siasatan,” tulis Zainuddin
Maidin dalam bukunya, *Hari
Itu Sudah Berlalu* (2011).

Di Baling, Zainuddin men-
dapati kehidupan penoreh
getah tertekan kerana harga
barangan keperluan mening-
kat dan harga sekati getah
turun sehingga ke pering-
kat lebih rendah daripada
harga sekati gula iaitu 25 sen

harga barang akibat inflasi.

sedangkan harga sekati
getah cuma 15 sen.

Pendapatan cuma 50 sen sehari

“Cerita kesusahan
hidup yang saya dengar
di Kampung Weng Dalam
dan juga di Kampung Tan-
jung Pari amat menyedih-
kan. Penoreh-penoreh ge-
tah di kampung ini turun
rumah pada pukul 5 pagi
untuk menoreh hingga
pukul 11 pagi dengan hanya
mendapat kira-kira 50 sen saja
sehari.”

Menurut Zainuddin, lapo-
ran khas yang disiarkan tiga
hari berturut-turut dalam
akhbar *Utusan Malaysia* pada
5 Januari hingga 7 Januari
1975, berita kononnya kes
kebuluran berlaku di Baling



**LAPORAN Khas Utusan Malaysia dan Minggu Malaysia pada 5, 6 dan 7
Januari 1975 oleh Zainuddin Maidin.**

yang diheboh-hebohkan se-
hingga berlaku mogok lapar
dan tunjuk perasaan di kalan-
gan penduduk Baling, han-
yallah bersifat khabar angin
semata-mata dan tidak berpi-
jak di bumi nyata.

Keadaan kemiskinan di Ba-

ling pada masa itu sebenarnya
berpunca daripada ketidak-
upayaan penduduk mencari
sumber pendapatan baharu
selain terus bergantung kepada
hasil getah yang hanya mem-
beri pendapatan 50 sen sehari.

Situasi ini diburukkan lagi
oleh sikap pegawai-pegawai
dan agensi-agensi kerajaan
yang diberi tanggungjawab
tidak memainkan peranan
dengan berkesan untuk mem-
bantu penduduk terlibat men-
gubah ke arah penghidupan
yang lebih baik menerusi
khidmat nasihat dan bantuan
sewajarnya.

Justeru itu, apabila Men-
teri Perusahaan Utama, Datuk
Musa Hitam diutuskan oleh
Tun Abdul Razak bagi menye-
lesaikan masalah harga getah
yang menghimpit kehidupan
penduduk, secara spontan
lebih 10,000 orang penduduk
telah keluar berhimpun di ha-

lisan yang sedang
marah, Musa tidak
mempedulikan
nasihat supaya ja-
ngan bertemu den-
gan penduduk terli-
bat.

“Sebaliknya, be-
liau (Musa) berjalan
seorang diri ke arah
orang ramai tanpa
diiringi oleh polis
sambil mengangkat
tangan kepada mere-
ka. Ini menyebabkan
teriakan ‘musang hi-
t a m’ semakin kendur.

Musa berjaya menenang-
kan suasana dan menyuraikan
tunjuk perasaan itu apabila
dalam ucapannya beliau me-
nyampaikan jaminan Tun Ab-
dul Razak bahawa harga getah
akan dinaikkan serta merta.

“Di samping itu, beliau
juga memberitahu, penunjuk
perasaan yang ditahan akan
dibebaskan segera dan ken-
deraan akan disediakan bagi
menghantar pulang penunjuk
perasaan yang telah berjalan
kaki begitu jauh untuk me-
nyertai perhimpunan di Baling
antara mereka ialah penoreh
getah dari Sik dan Jeniang”
(Zainuddin Maidin 2011: 141).

Penyelesaian secara bijak-
sana, penuh diplomasi dan
dramatik oleh Musa Hitam itu
berjaya menamatkan demon-
strasi petani di Baling tanpa
sebarang kejadian buruk yang
tidak diingini.

MOMEN & MEMORI

28 DISEMBER 1955
RUNDINGAN Baling
bermula antara kerajaan
Persekutuan Tanah
Melayu dengan Parti
Komunis Malaya (PKM)
di Sekolah Ingggris
Baling (kini Sekolah
Kebangsaan Tunku
Putera). Rundingan
berjalan sebanyak
empat sesi bermula
2.30 petang dan tamat
waktu tengah hari
keesokannya.



DARI kanan, Tun Tan Cheng Lock, Tunku Abdul Rahman dan David Marshall mewakili Tanah Melayu ketika rundingan berlangsung dengan wakil PKM Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin. Rundingan Baling tidak menghasilkan keputusan muktamad. PKM pada mulanya hendak menjalankan tipu helah bagi mendapatkan konsesi daripada Tunku akhirnya menemui kegagalan.